

SOALAN NO: 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB DATO' HAJAH NORMALA BINTI ABDUL
SAMAD [PASIR GUDANG]**
TARIKH : 27 NOVEMBER 2017
SOALAN : 41

YB Dato' Hajah Normala Binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah projek Hospital Pasir Gudang yang telah diumumkan dalam Bajet 2016 akan mula dibina.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, projek Hospital Pasir Gudang telah melalui proses Pengurusan Nilai di peringkat Penilaian Nilai (*Value Assessment*) pada 12 hingga 15 September 2017. Selepas ini, projek akan melalui proses Pengurusan Nilai di peringkat Penilaian Kejuruteraan (*Value Engineering*) sebelum projek boleh ditender. Projek dijadualkan untuk tender pada hujung bulan Januari 2018 dan kerja-kerja pembinaan di tapak dijangka dapat dimulakan pada hujung November 2018.